

# TAWARAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN TRANSDISIPLINARI (TRGS) FASA 1/2016

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) Fasa 1/2016 **bermula 29 Januari 2016 secara *online* di system MyGRANTS** melalui laman web <http://mygrants.gov.my> .

Sebagai makluman tambahan, berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian:

- i. Kertas cadangan program dan projek penyelidikan yang menepati kriteria penyelidikan Fundamental dan Eksploratori, berkualiti dan mengikut Garis Panduan TRGS (Pindaan tahun 2016);
- ii. Setiap program mesti melibatkan sekurang-kurangnya **tiga (3) projek di bawah kluster yang berbeza dari institusi yang sama**. Permohonan yang melibatkan korpus ilmu sains & teknologi dan sains sosial & kemanusiaan adalah amat digalakkan;
- iii. Jumlah siling permohonan bagi keseluruhan program adalah **tidak boleh melebihi RM1,500,000.00** (peruntukan tahun pertama tidak melebihi 50% daripada jumlah yang dipohon) dengan tempoh penyelidikan selama **tiga (3) tahun sahaja**
- iv. Setiap Ketua Penyelidik hanya boleh mengemukakan **satu (1) permohonan projek penyelidikan sahaja**;
- v. Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan geran TRGS pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75%.
- vi. Tarikh-tarikh penting:

Tarikh	Perkara	Catatan	Tindakan
<b>29 Januari 2016</b> – <b>13 Mac 2016</b>	Permohonan secara <i>online</i> melalui sistem MyGrants	Sistem akan dibuka sehingga jam <b>23:59; 13 Mac 2016; Ahad)</b>	Pemohon
<b>14 Mac 2016</b> – <b>20 Mac 2016</b>	Penetapan dan lantikan Panel Penilai Dalaman oleh Urusetia Penyelidikan (PPI)	Penetapan Panel akan ditentukan berdasarkan Bidang Penyelidikan	Urusetia, PPI
<b>21 Mac 2016</b> – <b>22 April 2016</b>	1. Penilaian secara <i>online</i> oleh Panel Penilai Dalaman UMS 2. Penambahbaikan kertas cadangan secara <i>online</i>	Sistem akan dibuka sehingga jam <b>23:59 (22 April 2016; Jumaat)</b>	PPI Panel Penilai dan Pemohon
<b>23 April 2016</b> – <b>28 April 2016</b>	1. Perakuan dan kelulusan peringkat PPI 2. Penghantaran secara <i>online</i> melalui sistem MyGrants		Urusetia, PPI